



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 18/2024

KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN RASMI UNIVERSITI
BAGI PENERIMA ELAUN GANTIAN KENDERAAN (EGK)

1. Adalah dimaklumkan bahawa universiti melalui Mesyuarat Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 20/2024 (Kali ke-304) bertarikh 13 November 2024 telah bersetuju untuk menetapkan Kawalan Penggunaan Kenderaan Rasmi Universiti Bagi Penerima Elaun Gantian Kenderaan (EGK).
 - a) Penerima EGK adalah dihadkan dari menggunakan kenderaan Universiti (merangkumi kenderaan gunasama dan kenderaan Jabatan) untuk:
 - i) Melaksanakan tugas rasmi secara bersendirian; dan
 - ii) Mengambil dan menghantar penerima EGK dari atau ke pejabat, terminal pengangkutan, agensi kerajaan dan swasta, menghadiri acara rasmi dan sebagainya.
 - b) Walau bagaimanapun, dalam beberapa keadaan tertentu dengan kelulusan Naib Canselor atau pegawai yang diturunkan kuasa oleh Naib Canselor, penerima EGK adalah dibenarkan untuk menggunakan kenderaan Universiti melibatkan keadaan berikut:
 - i) Ketiadaan kenderaan rasmi penerima EGK dalam tempoh yang munasabah ekoran kemalangan, penyelenggaraan, pembaikan dan kepatuhan kepada keperluan perundangan;
 - ii) Keadaan lokasi atau jalan yang menjadikan kenderaan rasmi penerima EGK tidak sesuai digunakan untuk kunjungan; dan
 - iii) Bagi penerima EGK yang tidak disediakan pemandu, maka penerima EGK tersebut atas urusan rasmi boleh memohon untuk menggunakan kenderaan Universiti sekiranya beliau didapati tidak sihat atau tidak berupaya untuk mengendalikan kenderaan sendiri.
 - c) Namun, penerima EGK boleh menggunakan atau menaiki kenderaan Universiti dengan syarat penggunaannya adalah secara bersama dengan warga Universiti yang lain atau melibatkan tetamu Universiti. Sekiranya dalam keadaan tertentu yang tidak dinyatakan dalam had-had kawalan penggunaan kenderaan Universiti, penerima EGK adalah dibenarkan menggunakan kenderaan guna sama dan kenderaan jabatan dengan kebenaran Naib Canselor.
2. Pemakaian Kawalan Penggunaan Kenderaan Rasmi Universiti Bagi Penerima Elaun Gantian Kenderaan (EGK) adalah berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)

Pendaftar

16 DISEMBER 2024

- s.k - Menjalankan Fungsi Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab